

PERKEMBANGAN PENTERJEMAHAN DAN PERTEMBUNGAN
KERUDAYAAN TIONGHUA DAN MELAYU

oleh Yang Quee Yee

1. Makna Penterjemahan dan Pertembungan

Kata pertembungan bermakna pertemuan atau perjumpaan di antara dua benda. Maka "Penterjemahan dan Pertembungan Kebudayaan Tionghua dan Melayu" yang dimaksudkan dalam kertas kerja ini, bukanlah hanya menghuraikan masalah penulisan bahasa Tionghua yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, tetapi meliputi usaha yang sebaliknya, iaitu kedua-dua tulisan itu saling diterjemahkan atau diperkenalkan, agar melalui pertembungan kebudayaan ini, kita dapat saling memahami di antara satu sama lain.

Di tanahair kita, melalui bahasa sebagai alat pengantar, sejarah dan kebudayaan bangsa Tionghua dan Melayu telah saling diperkenalkan sejak beberapa abad dahulu. Tambahan pula, melalui perhubungan produksi dan kerja-kerja penterjemahan, persahabatan Tionghua dan Melayu telah lama dipertalikan. Hanya dalam tahap sejarah yang berlainan, timbullah isi kebudayaan dan kepesatan perkembangannya yang berbeza-beza.

Di bawah ini, saya akan cuba menghuraikan kerja-kerja yang telah dibuat oleh masyarakat Tionghua dalam bidang ini dengan membahagikannya dalam tiga peringkat.

2. Kerana Pertemuan Kehidupan, Tirai Penterjemahan dan Pertembungan Kebudayaan Telah Diselak

2.1. Menyusul Dari Kenyataan

Daripada catatan buku-buku bahasa dan kebudayaan, kita boleh memastikan bahawa perkara penterjemahan dan pertembungan kebudayaan Tionghua dan Melayu barini bukanlah suatu pekerjaan baru. Dengan kata lain, pekerjaan itu bukan baru diusahakan atau dianggap penting dalam zaman ini.

Dari kenyataan sejarah, bahawa sejak satu abad yang dahulu, oleh kerana keperluan kehidupan, nenek moyang kita telah mulai meneroka bidang yang mustahak dan bermakna ini. Masalah sekarang ialah sekali-pun kita telah berusaha di bidang ini secara senyap-senyap buat suatu jangka masa yang panjang, dan banyak pula hasil yang tercapai, namun kita jarang yang mengadakan kajian atau membuat kesimpulan yang teliti mengenai perkara-perkara ini. Akhirnya kita sendiri pun tidak berapa jelas atau kabur-kabur terhadap apa yang telah kita buat dalam pekerjaan pertembungan kebudayaan, serta apa pengaruhnya pekerjaan ini kepada masyarakat umum, dan apakah kita telah menunaikan kewajipan yang harus kita bebani dalam masalah pertembungan kebudayaan dan persahabatan bangsa Tionghua dan Melayu. Oleh kerana itu, pertemuan kita ini untuk mengaji, membahas, serta menceritakan kembali peristiwa-peristiwanya adalah penting dan bermakna.

2.2. Kamus Tionghua-Melayu Yang Asli

Sejak abad yang keempat belas, keturunan Tionghua telah mulai menetap di Malaysia. Dalam pergaulan kehidupan sehari-hari, dan keperluan penyampaian pekerjaan, lantas melalui bahasa Melayu sebagai alat pengantar, bangsa Tionghua dan Melayu telah mengadakan perhubungan di antara satu sama lain. Jangankan bahasa lisan, namun bahan-bahan tulisan pun mengalami masanya lebih daripada satu abad.

Pada tahun 1877, seorang keturunan Tionghua yang bernama Lim Heng Nan telah berusaha menyusun sebuah buku yang dinamai "ISTILAH-ISTILAH MELAYU BARU", nama Mandarinnya digelar "TONG YI XIN YU", padahal buku ini adalah sebuah kamus istilah. Maksud penyusunan kamus itu katanya untuk mendesak pertembungan kebudayaan Tionghua dan Melayu. Pada tahun 1883, Lim Heng Nan meminta temannya Li Qinhui membantunya menyemak kembali isi kamus itu, lalu nama kamus yang asli itu pun diubah menjadi "ISTILAH-ISTILAH TIONGHUA-MELAYU" atau gelaran Mandarinnya "HUA YI TONG YU". Kamus itu terdiri daripada dua jilid. Hingga kini, bahan-bahan sejarah bahasa Melayu yang diusahakan oleh keturunan Tionghua dalam penterjemahan dan pertembungan kebudayaan yang dapat disusul, kamus inilah boleh dianggap sebagai catatan yang paling lama. Di bidang perkamusan yang diusahakan oleh keturunan Tionghua, kamus ini juga mencapai rekod yang tertua. Demikianlah dalam sejarah perkembangan pertembungan kebudayaan Tionghua dan Melayu, kamus yang bersejarah 110 tahun ini tidak boleh kita abaikan.

Selain daripada itu, pada awal abad yang kedua puluh, dalam masyarakat Tionghua masih terdapat beberapa buah kamus yang serupa seperti di bawah ini:

- * (KAMUS) BAHASA MELAYU atau MULAIYOU TONG HUA(1926), nama penyusunnya tidak dijelaskan
- * (KAMUS) BAHASA MELAYU-KE atau ZHENG KEYIN YIYI MULAIYOU HUA (1929), oleh Mu Tao dan Ahmad
- * (KAMUS) BAHASA MELAYU-YUE atau MALAYU YUEYIN YIYI(19....), oleh Feng Zhao Niang
- * (KAMUS) BAHASA BERANEKA atau ZAZHI CE(19...), nama penyusun tidak dijelaskan

Kamus-kamus ini mempunyai beberapa titik persamaan, iaitu (1) semuanya berbentuk Tionghua-Melayu, (2) mengambil klasifikasi istilah sebagai sistem penyusunannya, (3) bahagian bahasa Melayu bukan dieja dengan tulisan Jawi atau huruf Rumi, tetapi dicatat dengan tulisan Tionghua yang dieja menurut bunyi-bunyi dialek Tiongkok.

Terbitan kamus ini dimasukkan dalam lingkungan penterjemahan, kerana yang pertama, isinya semua berbentuk peristilahan yang diterjemahkan ke dalam bunyi dan makna bahasa Melayu. Kedua, kata pengantar yang tercatat dalam kamus masing-masing itu menyatakan bahawa maksud penyusunannya ialah untuk dihafal oleh keturunan Tionghua, agar dipergunakan ketika mengadakan pergaulan dan perbualan dengan bangsa yang lain. Jelaslah bahawa pergaulan kehidupan dan pertembungan kebudayaan telah menjadi tujuan yang utama dalam pekerjaan penterjemahan dan penyusunan nenek moyang kita, ini mempunyai makna yang positif bagi masyarakat dan kebudayaan.

2.3. Sastera Klasik dan Cerita-cerita Sejarah Tiongkok Versi Bahasa Melayu

Walaupun kesusasteraan Melayu baru bermula dari zaman Munsyi Abdullah(1797-1840) dalam abad yang kelapan belas, namun kesusasteraan Melayu kuno yang berbentuk hikayat, syair dan pantun mempunyai sejarah yang lebih lama, akan tetapi nampaknya dari abad yang kesembilan belas hingga ke tahun 50'an dalam abad yang kedua puluh, bahan-bahan sastera ini masih belum diterjemahkan ke dalam bahasa Tionghua. Sebaliknya pada penghujung abad yang kesembilan belas, banyak karya-karya klasik Tiongkok dan cerita-cerita sejarah telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu secara berancang oleh keturunan Tionghua. Dari tahun 1889 hingga ke 1950, terdapat tujuh puluh lebih tajuknya telah berhasil

diterjemahkan, bilangan bukunya telah berjumlah setinggi beberapa ratus bush. Di antaranya termasuk:

* SAM KOK atau TIGA NEGRI BERPRANG	30 jilid
* SONG KANG atau 108 P'ROMPAK	19 "
* CHRITA SEH YEW	9 "
* BENG LEH KOON	14 "
* KHIAN LEONG KOON YEW KANG LAM	27 "
* CHEONG MOH INN atau HONG HOR MUKA BIRU	55 "
* TAI LAU SAM BOON KUAY	22 "
* HONG SIN BAN SIAN TIN	17 "

Di samping itu, banyak lagi terdapat sebuah novel yang terdiri daripada lapan atau sepuluh jilid. Demikianlah dapat kita duga betapa besar bilangan terbitannya buat tujuh puluh lebih tajuk seperti yang tersebut di atas.

Di antara penterjemah-penterjemahnya, Chan Kim Boon (Batu Ganlong) dan Wan Boon Seng mencapai hasil yang menonjol.

Jika kita menggelarkan golongan keturunan Tionghua yang lebih awal menetap di Malaysia ini sebagai Tionghua Peranakan, serta menggelarkan golongan yang datang kemudian sebagai Tionghua Sinkek seperti yang dinamakan oleh Dr Leo Suryadinata dalam sebuah tulisan pengajiannya baru-baru ini, lantas gelaran perpisahan itu dipindahgunakan dalam bidang penterjemahan dan pertembungan kebudayaan, kita dapat menarik kesimpulan bahawa kedua-dua golongan sosial ini sama-sama memainkan peranan yang penting dalam masyarakat kita, yang berbeza hanyalah golongan sinkek berusaha dalam bidang perkamusan, sedangkan golongan peranakan mencapai hasil mereka di bidang kesusasteraan.

Pendek kata, baik usaha perkamusan yang dibuat oleh golongan singkek, baik sastera klasik Tiongkok yang diterjemahkan oleh golongan peranakan, sumbangan mereka itu memperlihatkan beberapa kenyataan seperti berikut:

Pertama, semenjak abad yang kesembilan belas, keturunan Tionghua telah mengambil peranan untuk memperkembangkan tugas penterjemahan dan pertembungan kebudayaan di rantau ini. Kedua, walaupun sistem ejaan Rumi bahasa Melayu baru mencapai kedudukan rasminya pada tahun 1957, iaitu setelah kemerdekaan negara kita, keturunan Tionghua te-

lah cuba menggunakan sistem ejaan ini secara tidak rasmi pada tahun 80'an dalam abad yang kesembilan belas.

2.4. Akhbar-akhbar Melayu Yang Dikelolakan Oleh Keturunan Tionghua

Di antara tahun-tahun 1894-1935, golongan keturunan Tionghua Peranakan pernah menerbitkan beberapa buah suratkhbar Melayu yang berbentuk ekabahasa dan dwibahasa seperti di bawah ini:

- * Surat Khabar Peranakan(1894, Melayu-Inggeris)
- * Bintang Timor(1894, Melayu)
- * Malaysia Advocate(1910, Melayu)
- * Kabar Slalu(1924, Melayu)
- * Bintang Peranakan(1930, Melayu)
- * Sri Pranakan(1932, Melayu)
- * Story Teller(1934, Melayu)

Akhbar-akhbar itu semuanya menggunakan ejaan Rumi. Banyak karya-karya terjemahan sastera klasik Tiongkok termuat dalam isi terbitannya. Sungguhpun sejarah keluaran tiap-tiap akhbar itu tidak lama, namun dalam hal-hal penterjemahan dan pertembungan kebudayaan, akhbar-akhbar itu pernah memainkan peranan yang tertentu.

2.5. Makna dan Fungsinya Usaha Penterjemahan dan Pertembungan Kebudayaan Masa Dahulu

Setelah tamatnya Perang Dunia Yang Kedua, barangkali kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan dan perubahan syarat-syarat bahasa, mungkin juga kerana unsur-unsur yang lain, maka hingga tahun 1950, kedua-dua aliran seperti perkamusan yang diusahakan oleh golongan singkek, ataupun akhbar-akhbar dan karya-karya terjemahan yang diusahakan oleh golongan peranakan, masing-masingnya tidak dapat melanjutkan terbitannya.

Baru-baru ini, oleh kerana pengaruhnya rancangan pelancongan yang diadakan di Singapura, kebudayaan peranakan atau yang digelaran kebudayaan Baba mulai dibina semula untuk menarik perhatian umum. Di bawah dorongan ini, beberapa buah drama bahasa Melayu yang bercorak kebudayaan peranakan telah dikarang, misalnya:

- * SAM PEK ENG TAI(1984), oleh Filex Chia, belum diterbitkan dengan rasmi
- * LAKI TUA BINI MUDA(1985), Filex Chia
- * MENYESAL(1986), ciptaan kolektif

Semasa bahasa Melayu masih belum mencapai kemajuan yang sewajarnya,

gaya bahasa yang digunakan oleh golongan Tionghua Peranakan itu pernah memainkan pengaruhnya yang tertentu, lebih-lebih dalam masyarakat Tionghua, dan serba sedikit membuat sumbangan kepada bahasa Melayu. Akan tetapi semasa bahasa Melayu ^{yang} piawai telah mencapai hasil kemajuan yang pesat seperti sekarang ini, kita sangat menyangsikan nilainya untuk membangkitkan semula atau mengutamakan bahasa yang tidak ber-sistem yang boleh mengacau-balaukan bahasa rasmi itu.

3. Semangat Cinta Tanahair Mempercepatkan Kerja Penterjemahan dan Pertembungan Kebudayaan

3.1. Kempen Memperkembangkan Bahasa Melayu

Selepas Perang Dunia Yang Kedua, sama seperti negara-negara yang terjajah di seluruh dunia, rakyat kita juga mahu melepaskan diri daripada kongkongan kuasa penjajah, serta menegakkan bahasa kebangsaan sendiri. Di bawah tujuan dan hasrat bersama ini, maka di samping memperjuangkan kemerdekaan negara, perjuangan untuk menegakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita juga disarankan. Bersejajar dengan perjuangan kemerdekaan negara, keturunan Tionghua juga mengambil langkah yang cergas untuk meluaskan bahasa Melayu dalam masyarakat mereka. Demikianlah boleh dikatakan bahawa usaha bahasa dan kebudayaan yang dibuat oleh mereka dalam peringkat ini mempunyai unsur faham cinta tanahair.

Tunas kerja penterjemahan dan pertembungan kebudayaan yang telah bersunyi buat beberapa lama sebelumnya ini pun mulai bertumbuh kembali. Kira-kira pada tahun 1955, berbagai-bagai pertubuhan seperti parti politik, persatuan buruh-buruh, badan pelajar-pelajar dan lain-lainnya telah mulai mengadakan kempen secara besar-besaran menggalakkan anggota masing-masing supaya bersungguh-sungguh mempelajari bahasa Melayu, sehingga menimbulkan suatu suasana pembelajaran yang hangat.

Semasa Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu masih dianggap sebagai sebuah negara yang bersekutu, Singapura telah merupakan pusat kegiatan perkembangan pelajaran dan kebudayaan yang ideal.

Universiti Nanyang yang dibuka dengan rasminya pada tahun 1956 itu mengumpulkan banyak intelektual keturunan Tionghua dari serantau

ini. Di antara mereka itu ada sebahagiannya telah menguasai bahasa Melayu sebelum mereka masuk belajar di universiti itu. Lantas setelah mereka bertumpu di pusat pengajian itu, melalui fasiliti pendidikan yang diperolehi oleh mereka dan kewibawaan Nanyang dalam mata orang ramai, mereka telah memainkan peranan yang penting dalam kegiatan meluaskan bahasa Melayu dan pertembungan kebudayaan.

3.2. Lahirnya Majalah-majalah Bahasa Melayu Moden

Walaupun karya-karya terjemahan sastera klasik Tiongkok yang diusahakan oleh Tionghua Peranakan dahulu itu boleh dilanjutkan sampai ke sekitar tahun 1950, tetapi akhbar-akhbar bahasa Melayu yang dikelolakan oleh mereka itu telah tidak kelihatan lagi sejak tahun 1934. Kelenyapan itu dilanjutkan sampai ke tahun 1958, lalu muncullah sebuah majalah bahasa Melayu yang dinamai MIMBAR UNIVERSITI yang diterbitkan oleh Persatuan Mahasiswa-mahasiswa Nanyang. Sejak itu, sejarah di bidang ini telah didorong ke tahap yang lain. Pada tahun 1959, sebuah lagi majalah bahasa Melayu yang berilmiah yang dinamai BUDAYA diterbitkan pula. Majalah ini juga di bawah pimpinan pensyarah-pensyarah dan mahasiswa-mahasiswa Nanyang yang bekerjasama dengan peminat-peminat bahasa Melayu di luar universiti.

Dalam masalah penterjemahan dan pertembungan kebudayaan di peringkat ini, kita mengutamakan majalah-majalah MIMBAR UNIVERSITI dan BUDAYA, kerana kedua-dua majalah itu bukan sahaja menggunakan sistem ejaan Rumi dan tatabahasa yang moden, isi kandungannya juga sangat praktikal.

Jika akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh Tionghua Peranakan dahulu itu hanya menyiarkan berita-berita yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan komersial buat golongan yang tertentu, memuat karya-karya terjemahan sastera klasik Tiongkok dan cerita-cerita sejarah, dan iklan-iklan untuk karya-karya terjemahan itu, maka jauh berlainan kedua-dua majalah yang diterbitkan pada tahun 50'an dalam abad yang kedua puluh. Kandungan kedua-dua majalah itu menitik-beratkan kepada makalah-makalah yang membahaskan masalah-masalah politik, ekonomi, bahasa, kebudayaan dan pelajaran, dan tentu saja terkandung sebahagian karya-karya terjemahan dari sastera Mahua ataupun Tiongkok.

MIMBAR UNIVERSITI asalnya sebuah majalah yang tiada berkala yang menjadi lidah rasmi Persatuan Mahasiswa-mahasiswa Nanyang, tetapi

isi terbitan bahasa Melayu lebih bebas dan luas, jadi di samping melaporkan berita-berita kegiatan mahasiswa-mahasiswa di universiti, kebanyakan daripada makalah-makalah yang dimuat itu mempunyai makna pertembungan kebudayaan.

BUDAYA adalah majalah tribulan, isi kandungannya memang sepadan dengan namanya. Oleh kerana itu, keluaran majalah itu mendapat sambutan baik dari Utusan Melayu dan Utusan Pemuda, sebahagian makalah yang utama yang disiarkan dalam majalah itu telah dipindah dan disiarkan semula dalam akhbar-akhbar yang bersangkutan itu. Sayangnya kerana pengaruh unsur-unsur masyarakat, atau syarat-syaratnya belum matang, pada tahun 1963, setelah 12 naskhah dikeluarkan, terbitan MIMBAR UNIVERSITI pun tidak dapat dilanjutkan lagi, sedangkan BUDAYA hanya mengeluarkan 3 jilid, juga menghadapi jalan macet dalam tahun 1962.

Selain daripada itu, sebuah lagi majalah yang dinamai KESUSASTERAAN NANYANG yang dikelolakan oleh mahasiswa-mahasiswa Jurusan Bahasa-bahasa Moden Universiti Nanyang muncul dalam tahun 1959. Berserta dengan penitik-beratan karya-karya bahasa Inggeris, majalah itu juga menyiarkan sebahagian karya-karya terjemahan dan kreatif dalam bahasa Melayu. Dari tahun 1959-1960, setelah 3 jilid dikeluarkan, majalah itu pun tidak kelihatan lagi.

3.3. Terbitan Dwibahasa Menjadi Ciri-ciri di Peringkat ini

Dari tahun 50'an hingga ke 60'an, ciri-ciri yang diperlihatkan dalam kerja penterjemahan dan pertembungan kebudayaan yang diusahakan oleh masyarakat Tionghua ialah banyak buku-buku dan majalah dwibahasa diterbitkan.

Pada penghujung tahun 50'an, pensyarah-pensyarah dan mahasiswa-mahasiswa Nanyang telah berusaha menterjemahkan cerita-cerita bahasa Melayu dan Indonesia ke dalam bahasa Tionghua, lalu diterbitkan dalam bentuk buku dwibahasa, iaitu Melayu-Tionghua. Terbitan-terbitan itu menjadi bahan-bahan bacaan tambahan kepada keperluan masyarakat Tionghua. Penerbit-penerbit yang berebut-rebut menerbitkan buku-buku dwibahasa itu termasuk Shanghai Book Co, The World Book Co, Wei Ming & Co dan lain-lainnya.

Dalam jangka masa yang sama, beberapa bush majalah dwibahasa seperti yang berikut telah dikeluarkan:

- BULANAN BAHASA MELAYU(1960-1970) - The World Book Co
- BULANAN BAHASA KEBANGSAAN(1961-1974) - Shanghai Book Co
- BELAJAR BAHASA KEBANGSAAN(1960-kini) - Nanyang Siang Pao
- MINGGUAN BAHASA KEBANGSAAN(1960-kini) - Sin Chew Jit Po

Penerbitan komik dwibahasa juga merupakan satu ciri-ciri dalam tahun 60'an. Dalam jangka masa itu, The World Book Co telah berturut-turut mengeluarkan beberapa ratus buah komik. Di antaranya:

• KOMIK YANG MASHHOR DI DALAM DUNIA	10 jilid	100 buah
• CHERITA-CHERITA KEBANGSAAN DI DALAM KAWASAN ASIA TENGGARA	5 "	50 "
• KOMIK KISAH 1001 MALAM		10 "
• KISAH DARI YUNANI DAN ROM		10 "
• KOMIK ORANG-ORANG TIONGKOK YANG TERMASHHOR		10 "
• CHERITA-CHERITA RAKYAT TIONGKOK		10 "
• HIKAYAT SHIEA YIEANG KUI		10 "
• HIKAHAT DINASTI DANG		10 "

The Commercial Press Ltd juga pernah menerbitkan 10 jilid KOMIK CHERITA-CHERITA TIONGHUA-MELAYU yang berjumlah 100 buah.

Dalam proses pembangunan negara kita, buku-buku, majalah-majalah dan komik dwibahasa seperti yang tersebut di atas pernah memainkan peranan yang tertentu di bidang penterjemahan dan pertembungan kebudayaan. Lepas itu, kerana pengajaran bahasa Melayu telah mencapai mutu yang lebih bersistematik, pengetahuan bahasa Melayu di masyarakat Tionghua juga semakin mencapai kemajuannya. Maka bahan-bahan bacaan tambahan yang berbentuk Melayu-Tionghua pun makin kehilangan pasarannya, hingga tahun 70'an, terbitan bahan-bahan ini telah jauh merosot.

3.4. Terjemahan Karya-karya Sastera Melayu Melebihi Karya-karya Sastera Mahua Yang Dibahasa Melayukan

Dalam tahun 60'an, kuantiti terjemahan karya-karya sastera Melayu agak banyak. Lebih-lebih bentuk cerpen, masa itu, banyak akhbar Tionghua suka menyiarkan terjemahan cerpen Melayu, akan tetapi kertas kerja ini tidak bersedia mencatatnya satu demi satu. Di samping cerpen, sebahagian novel Melayu pun diterjemahkan ke dalam bahasa Tionghua dalam peringkat ini:

- NYAWA DI HUJUNG PEDANG(Ahmad Murad) - Din Noh(1959)
- PILIHAN CERPEN-CERPEN MELAYU - La Di dll(1961)

- * KABUS PAGI(Ahmad Boestaman) - Yi Seng(1962)
- * MEKAR DAN SEGAR - Tang Yong(1962)
- * SALAH ASUHAN(Abdoel Moeis) - Lin Qing
- * HIKAYAT ABDULLAH - Ma Cih(1972, siaran bersambung di Sin Chew Jit Po)
- * HIKAYAT PELAYARAN ABDULLAH - Ma Cih(1972, siaran bersambung di Sin Chew Jit Po)

Dalam jangka masa yang sama, karya-karya sastera Tionghua yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu terlalu sedikit. Sejak terbitnya MIMBAR UNIVERSITI dan BUDAYA, sebahagian kecil cerpen-cerpen Mahua dan Tiongkoktelah mulai dibahasa Melayukan dan disiarkan dalam suratkhobar-suratkhobar atau majalah-majalah. Dalam tahun 60'an, berserta dengan terdirinya Jurusan Bahasa Melayu di Maktab Ngee Ann, mahasiswa-mahasiswa yang berasal dari Maktab itu juga mencapai hasil yang menonjol di bidang ini. Di samping itu, banyak lagi peminat-peminat di luar sekolah, lebih-lebih mereka yang berpendidikan Tionghua, juga sering-sering menyiaran terjemahan cerpen-cerpen mereka di majalah-majalan Melayu tempatan seperti Berita Harian, Mastika, Dewan Bahasa, Dewan Sastera dan lain-lainnya. Tetapi terjemahan yang diterbitkan dalam bentuk buku masih kurang memuaskan. Di antaranya hanya terdapat:

- * HIDUP BAGAIKAN MIMPI - Li Chuan Siu(1961)
- * HIDUP DENGAN MATI - Chan Tat Cheong(1966)

Kedua-dua buku terjemahan ini diambil dari karya-karya sastera Tiongkok. Sedangkan karya-karya tempatan sastera Mahua nampaknya belum ada bentuk buku terjemahannya. Fenomena ini tidak boleh dialaskan bahawa karya-karya tempatan sastera Mahua tidak mendapat sambutan dari pembaca-pembaca, bahkan sebab yang utama barangkali kerana kekurangan penterjemah bahasa Melayu yang mahir.

3.5. Kamus Dwibahasa dan Nekabahasa

Pada penghujung tahun 50'an dan 60'an, suasana kempen pelajaran bahasa Melayu yang berhangat-hangat telah mendesak penerbit-penerbit menaruh perhatian mereka ke atas kamus Melayu-Tionghua, Tionghua-Melayu atau Melayu-Tionghua-Inggeris. Dalam jumlah 60 buah lebih kamus bahasa Melayu yang disusun oleh keturunan Tionghua selama ini, kecuali beberapa buah yang telah diperkenalkan dalam bahagian 1.1. kertas kerja ini, hampir satu pertiga daripadanya dihasilkan dalam jangka masa ini. Kamus-kamus itu dihasilkan atas keperluan zamannya.

Dalam usaha memperkembangkan bahasa kebangsaan di masyarakat Tionghua, kamus-kamus ini memainkan peranan yang penting, dan juga mempertembungkan kebudayaan berbilang bangsa secara tidak langsung.

Kamus-kamus yang diterbitkan dalam masa ini, semuanya berbentuk praktikal. Yang mendapat sambutan baik dan laris jualannya ialah:

- * KAMUS MELAYU-TIONGHUA -Lim Huan Boon(1958)
- * KAMUS BERGUNA BAHASA MELAYU-TIONGHUA-INGGERIS - Lu Poh Yeh(1959)
- * KAMUS BAHASA MELAYU KECIL - Lim Huan Boon(1960)
- * KAMUS BAHASA TIONGHUA-MELAYU - Chen Monk Hock dll(1961)

4. Perkembangan Pelajaran Nasional Mengubahkan Sifat Penterjemahan dan Pertembungan Kebudayaan

4.1. Pengalihan Pusat Perkembangan Bahasa Melayu Di Masyarakat Tionghua

Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Bersejajar dengan kuasa politik itu, bahasa Melayu telah dijadikan bahasa kebangsaan kita dan berkembang dengan pesat. Terpisahnya Singapura dari gagasan Malaysia, mempercepatkan pusat pengajian dan perkembangan bahasa Melayu di masyarakat beralih ke Malaysia, lebih-lebih di ibukota Kuala Lumpur.

Pendek kata, di bawah dasar pelajaran 10 tahun, kedudukan bahasa Inggeris yang diwarisi dari zaman penjajahan itu telah mulai beransur-ansur diganti dengan bahasa Melayu. Walaupun sekolah Tionghua tidak mengalami nasib yang sama, tetapi untuk berselaras dengan dasar pelajaran, bahasa Melayu telah menjadi mata pelajaran yang penting dalam sukatan pelajaran. Oleh kerana itu, mulai dari tahun 60'an, baik di sekolah Inggeris, baik di sekolah Tionghua, mutu bahasa Melayu pelajar-pelajar Tionghua telah dipertingkatkan pada keseluruhannya. Proses perubahan ini secara langsung mempengaruhi sifat pekerjaan penterjemahan dan pertembungan kebudayaan. Berserta dengan kemajuan bahasa Melayu, maka arahan kerja di masyarakat Tionghua pun mengalami perubahannya.

4.2. Penterjemahan Karya-karya Melayu Menjadi Lambat

Jika diperbandingkan dengan keadaan yang berhangat-hangat pada tahun-tahun 50'an dan 60'an, penterjemahan karya-karya bahasa Melayu dalam tahun 70'an nyatalah telah mulai mengalami langkah lambat. Sebabnya bukan kerana pekerjaan ini tidak bernilai atau bermakna lagi,

tetapi oleh kerana pengetahuan bahasa Melayu keturunan Tionghua telah mencapai kemajuan. Sehingga mereka yang berminat dalam karya-karya bahasa Melayu, kebanyakannya telah sanggup membaca langsung kepada tulisan asli, demikianlah keperluan di bidang ini pasti menjadi kurang. Lebih-lebih tentang bahan-bahan bacaan tambahan yang berbentuk dwibahasa, hampir tidak lagi menarik perhatian pembaca.

Dalam tahun 70'an, ada sebahagian kecil penerbit-penerbit pernah cuba berusaha untuk menerbitkan semula bahan-bahan seumpama itu, akan tetapi setelah beberapa pengeluaran dianjurkan, hingga tahun 80'an, sama sekali tidak kelihatan ada perkembangan baru.

Oleh kerana perubahan mutu bahasa itu, pada tahun-tahun yang kebelakangan ini, pekerjaan penterjemahan dan pertembungan kebudayaan masyarakat Tionghua telah berubah dari bentuk dwibahasa hingga ke ekabahasa, ertinya karya-karya terjemahan mereka itu hanya diterbitkan dalam bentuk bahasa Tionghua atau sebaliknya. Ditinjau dari keadaan perkembangan akhir-akhir ini, bentuk keluaran bahasa Melayu tulen nampaknya lebih berhasil.

4.3. Terjemahan Sastera Mahua Mulai Menonjol

Seperti yang telah dikatakan di atas, bahawa dalam tahun 60'an, pilihan karya-karya Tionghua dan berbahasa Melayukan, kebanyakannya diambil dari karya-karya sastera Tionggok. Keadaan itu masih dilanjutkan dalam tahun 70'an. Dalam masa ini, masih terdapat:

- * PUISI BARU TIONGGOK - Goh Thean Chye(1975)
- * RIWAYAT HIDUP SEORANG DOKTER - Yassin Tani(1976)
- * AIR MUSIM BUNGA(Bing Xin) - E.T. Tang(1980)
- * PUISI DAN LIRIK TIONGGOK KLASIK - Goh Thean Chye(1981)
- * IBUKU SANG BUMI(Guo Moruo) - Goh Thean Chye(1981)
- * PEMBERITAHUAN SUBUH(Ai Qing) - Goh Thean Chye(1981)
- * LAMPU YANG TAK KUNJUNG PADAM(Lu Hsun) - Li Chuan Siu(1984)
- * SENI KETENTERAAN - Yassin Tani(akan terbit)

Perubahan yang paling pesat dalam tahun 70'an ialah terjemahan karya-karya tempatan Mahua mulai menonjol. Karyawan-karyawan angkatan baru telah mulai mencari bahan-bahan terjemahan mereka dari sastera Mahua. Terutamanya cerpen, banyak terjemahan cerpen mereka telah disiarkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah Melayu.

Di peringkat ini, bilangan karya-karya sastera Mahua yang telah

diterjemahkan dan diterbitkan dalam bentuk buku pun makin bertambah. Di antaranya terdapat:

- * PUISI MAHUA MODEN - Goh Thean Chye(1975)
- * ANTOLOGI PUISI MAHUA MODEN - Yassin Tani(1978)
- * EVOLUSI ALIRAN PEMIKIRAN KESUSASTERAAN MAHUA - C.Y. Sin(1979)
- * PEREMPUAN YANG MEMECAHKAN CERMIN - Ding Choo Ming(1979)
- * OH SUNGAI PERAK, SUNGAI IBU(Tai Ching Siew) - Goh Thean Chye(1980)
- * ANAKKU, HARAPANKU(Yung Lifeng) - Deng Shengmin(1980)
- * CERPEN PILIHAN MAHUA - Moo Kiow Chai(1982)
- * PERTEMUAN YANG DIKESALKAN(Yung Lifeng) - Deng Shengmin(1986)

Selain daripada itu, terdapat pula sebahagian sajak, cerpen, novel dan buku-buku ilmiah yang dikarang oleh karyawan-karyawan atau intelektual-intelektual keturunan Tionghua. Oleh kerana hasil yang tercapai itu adalah jenis kreatif atau bukan terjemahan, maka tidak dimasukkan dalam kertas kerja ini .

Baru-baru ini, Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia(PERSPEKTIF) yang telah ditubuhkan oleh sekumpulan peminat-peminat bahasa mengumumkan bahawa Persatuan itu sedang berusaha membuat berbagai-bagai rancangan untuk mendorong pekerjaan penterjemahan dan pertembungan kebudayaan. Tambahan pula, sebelum itu mereka telah berhasil menterjemahkan dua buah buku sastera Mahua seperti berikut:

- * ANTOLOGI CERPEN MAHUA - telah diserahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk diterbitkan.
- * ANTOLOGI SAJAK MAHUA - sedang diusahakan dan akan diserahkan kepada DBP untuk diterbitkan juga.

Tidak berapa lama dahulu, Seksi Penterjemahan dari Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelajaran Dewan Perhimpunan Cina Selangor juga mengumumkan, bahawa suatu projek penterjemahan sajak-sajak Mahua sedang diuruskan.

Pada akhir-akhir ini, mahasiswa-mahasiswa dari Jabatan Pengajian Melayu Fong Yew di Johor Baharu juga sangat aktif dalam bidang penterjemahan.

Dengan kegiatan-kegiatan yang baru ini, dipercayai bahawa kerja penterjemahan dan pertembungan kebudayaan Tionghua dan Melayu pasti

boleh mencapai hasil yang lebih cemerlang.

4.4. Perkamusan Juga Makin Bermutu dan Sempurna

Sama seperti di bidang sastera, selepas tahun 70'an, penyusun-penyusun kamus bahasa Melayu dari masyarakat Tionghua juga mencapai kemajuan yang menggembirakan. Bersejajar dengan keperluan masyarakat, isi-isi penyusunan itu makin diperbaiki dan menjadi lebih sempurna. Menurut perkiraan, dalam jangka ini, lebih daripada 30 buah kamus bahasa Melayu yang berbentuk besar dan kecil telah dihasilkan. Yang popular ialah:

- * KAMUS UMUM BAHASA MALAYSIA(1972) - Yang Kui Yee & Chan Meow Wah
- * KAMUS SARI EJAAN BERSAMA(1973) - Yang Kui Yee, Lim Chin Kiat,
Chan Meow Wah
- * KAMUS AM TERBARU BAHASA MALAYSIA - Cheng Song Huat, Tan Ah Leong
- * KAMUS ISTILAH BARU BAHASA MALAYSIA - Yang Kui Yee, Chan Meow Wah

Dalam pekerjaan memperkembangkan bahasa dan pelajaran, serta pertembungan kebudayaan, kerja perkamusan juga tidak kurang penting kedudukannya. Mujurlah kita tidak mengabaikan usaha ini.

4.5. Hasil Buku-buku Teks Membawa Kita Ke Lingkungan Kebudayaan Baru

Berserta dengan perkembangan dasar-dasar pelajaran nasional, bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar yang utama dalam sistem pelajaran negara kita. Berbagai-bagai bahan pengajaran atau buku-buku teks yang diperlukan di sekolah-sekolah masih memerlukan ahli-ahli bahasa untuk menulis atau menterjemahkannya.

Dari bahan-bahan yang telah sedia ada, kita boleh mendapati ada sebahagian besarnya ditulis atau diterjemahkan oleh keturunan Tionghua. Lebih-lebih tentang buku-buku teks ilmu sains dan teknologi yang meliputi seluruh sukatan pelajaran, termasuk juga bahan-bahan mata kuliah yang digunakan di universiti. Dan dalam zaman komputer ini, buku-buku panduan komputer pun berturut-turut diperkenalkan.

Saya anggap, penulisan dan penterjemahan buku-buku teks yang tercapai itu adalah suatu perkembangan baru di bidang penterjemahan dan pertembungan kebudayaan. Akan tetapi hasil-hasil dan fungsi kerja ini masih belum mendapat perhatian yang seimbang dari masyarakat umum. Biasanya orang membincangkan masalah ini, hanya terbatas kepada lingkungan kecil seperti masalah sastera dan bahasa, sedangkan hasil yang cemerlang yang tercapai dalam tahun 80'an ini tidak diperhatikan atau sama sekali tidak diindahkan.

Semasa kita berkumpul dan membahaskan masalah-masalah ini, kita hendaklah memberi perhatian yang semestinya kepada usaha-usaha itu, serta menghargai sumbangan yang bermakna itu.

5. Kesimpulan

5.1. Menilik Semangat Cinta Tanahair Keturunan Tionghua Dari Pekerjaan Penterjemahan dan Pertembungan Kebudayaan

Dengan meninjau kepada perkembangan dalam tahap-tahap yang berlainan seperti yang terbentang di atas, kita dapat menarik kesimpulan bahawa dalam lingkungan pembangunan negara seperti bahasa, kebudayaan dan pelajaran, melalui kerja penterjemahan dan pertembungan kebudayaan, keturunan Tionghua telah memainkan peranan yang positif. Sejauh pemerintahan penjajah dalam abad yang kesembilan belas, semasa bahasa Melayu masih belum mencapai kedaulatan yang sepadan, nenek moyang kita telah membuat hasil-hasil yang menggalakkan. Lantas pada masa memperjuangkan kemerdekaan negara dan kedaulatan bahasa, kita juga bersama-sama bertindak sebagai rakyat yang taat setia. Akhirnya sampai ke zaman yang moden ini, ketika ilmu sains dan teknologi mencapai kemajuan yang pesat, kita juga maju terus, melalui bahasa sebagai alat pengantar, memperkenalkan pengetahuan-pengetahuan yang moden itu kepada rakyat. Demikianlah jika kita mengatakan bahawa sumbangan-sumbangan yang nyata yang telah dibuat itu adalah pertunjukan semangat cinta tanahair, ini memang bersepadan dengan kenyataan.

5.2. Memperkuatkan Kerja Penterjemahan, Memperlipatkan Tulisan Kreatif, Untuk Meluaskan Pertembungan Kebudayaan dan Perpaduan Rakyat

Akhir-akhir ini, hasil terjemahan karya-karya sastera Mahua yang diusahakan oleh masyarakat Tionghua sekalipun makin bertambah, tetapi jika dibandingkan dengan hasil yang bersejenis dan keperluan masyarakat, maka boleh dikatakan bahawa hasil itu masih tidak memuaskan. Oleh kerana itu, untuk membayangkan kenyataan-kenyataan kehidupan di dalam masyarakat Tionghua, kita hendaklah terus berusaha menterjemahkan sastera Mahua ke dalam bahasa Melayu atau sebaliknya. Di samping itu, kita perlu juga berusaha dalam bidang penulisan kreatif dengan menyumbangkan hasil penulisan itu kepada akhbar-akhbar atau majalah-majalah tempatan yang telah sedia ada.

Untuk masa depan, masyarakat Tionghua hendaklah mempertimbangkan kemungkinan menerbitkan akhbar-akhbar bahasa Melayu atau majalah-majalah yang berkala.

Jika keturunan Tionghua telah membuat percubaan di bidang ini sejauh di abad yang kesembilan belas dan juga pada tahun 50'an dalam abad yang kedua puluh, sedangkan kita yang berada di zaman yang moden ini tidak memperlihatkan sesuatu. Masalah ini hendaklah dikaji dengan bersungguh-sungguh. Malahan jika percubaan yang dibuat dahulu itu tidak dapat dilanjutkan lebih lama kerana syarat-syaratnya belum matang, maka pada harini, biarpun ditinjau dari sudut yang mana, keadaan dan syarat-syaratnya telah jauh berbeza. Mudah-mudahan saranan ini boleh menarik perhatian umum.